



UNTUK SIARAN
SEGERA

KEBAJIKAN STAF LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA TETAP DIJAGA WALAUPUN DANA BERHADAPAN TAHUN MENCABAR

Kuala Lumpur, 25 Julai 2022: Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) hari ini memaklumkan bahawa kebajikan staf sentiasa menjadi keutamaan walaupun berhadapan dengan persekitaran ekonomi yang mencabar sejak negara dilanda pandemik Covid-19 pada tahun 2020.

Ini berikutan dakwaan dibuat Kesatuan Kakitangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (KKLTAT) bahawa pihak pengurusan LTAT tidak mengendahkan kebajikan pekerja. Dakwaan tersebut dibuat ketika KKLTAT mengadakan piket dari jam 1.00 hingga 2.00 petang tadi di kawasan Bangunan LTAT, Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur.

Beberapa sesi perbincangan dan penjelasan kepada KKLTAT termasuk melalui forum rasmi Mesyuarat Bersama Jabatan (MBJ) telah dianjurkan bagi membincangkan tuntutan KKLTAT supaya gaji kakitangan diselaraskan kepada 15 peratus dan dibayar secara tunggakan ke tahun 2020.

Tuntutan ini sememangnya dalam proses pelaksanaan dan akan diselaraskan bukan secara pukol rata sepertimana amalan sebelum ini, tetapi secara individu mengikut pemetaan gaji (salary-mapping) yang wajar. Oleh kerana itu, sebahagian kakitangan yang berada di bawah P50 (tanda aras gaji pasaran) bakal menikmati penyelarasan gaji sehingga 36 peratus selain daripada bayaran sara hidup sebanyak RM5,200 setiap seorang. Namun, pihak pengurusan rasa kesal dengan keputusan KKLTAT untuk meneruskan piket walaupun pelan penyelarasan gaji dan bayaran sara hidup telah dimaklumkan lebih awal.

Sejak tahun 2020 dan sehingga kini, LTAT terus membayar bonus tahunan maksimum tiga (3) bulan. Sementara itu, kadar peratusan kenaikan gaji tahunan staf dari tahun 2020 hingga 2022 juga meningkat dari maksimum 5.5 hingga 7.0 peratus mengikut prestasi masing-masing.

LTAT juga memberi Bantuan Sara Hidup Khas Covid dari tahun 2020 hingga 2021 kepada staf yang terjejas dengan jumlah keseluruhan RM36,590. LTAT juga memberi

inisiatif tambahan dalam bentuk moratorium agar staf yang meminjam daripada LTAT tidak perlu melakukan pembayaran balik pinjaman bagi tempoh enam (6) bulan.

LTAT juga menekankan bahawa tiada staf yang hilang pekerjaan serta tiada pengurangan gaji asas mahupun elaun bulanan sepanjang tempoh pandemik.

Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)

25 Julai 2022